

16 AUG 1996

PNB HARUNGI PERSAINGAN DAN CABARAN DARI AMANAH SAHAM LAIN

Oleh: Arshi Mohd Daud

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) tidak terasa terancam akibat daripada pertumbuhan seperti cendawan amanah saham swasta dan yang dikendalikan oleh kerajaan negeri di negara ini, kata ketua eksekutif kumpulan PNB, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

"Tidak syak lagi dalam jangka pendek terdapat persaingan, tetapi dalam jangka panjang, industri amanah saham belum lagi dimajukan sepenuhnya. Masih ada lagi ruang untuk semua," katanya ketika ditemubual di sini baru-baru ini.

Para pemerhati industri meramalkan industri amanah saham di negara ini akan terus meningkat kerana buat masa sekarang, 75 peratus simpanan tempatan disimpan di bank-bank berbanding dengan hanya 25 peratus di Amerika Syarikat.

Industri amanah saham memulakan pelancaran dana pertama pada 1959. Bagi tempoh antara 1959 hingga 1970, terdapat hanya tiga buah syarikat pengurusan dana yang beroperasi tetapi mulai 31 Julai, 1996, bilangannya telah bertambah kepada 32 syarikat yang menguruskan 70 tabung amanah ekuiti dan empat dana amanah harta.

Antara 1 Jan hingga 31 Mei tahun ini, enam amanah saham telahpun dibentuk.

Pertumbuhan industri itu sebahagian besarnya didorongi oleh kejayaan PNB dalam menguruskan dana pelaburan bernilai RM30 bilion, terutamanya dalam menggembleng modal Bumiputera menerusi skim Amanah Saham Nasional. Skim tersebut telah dilancarkan pada 20 April, 1981.

"Tiada banyak persaingan akhirnya, kerana pemegang amanah saham mengambil kira tiga faktor utama dalam memutuskan di manakah mereka harus menyimpan.

"Mereka akan mengambil kira risiko dan pulangan yang berkaitan, serta mudah-tunai," kata Hilmey.

PNB telahpun memuaskan ketiga-tiga faktor tersebut. Skim Amanah Saham Bumiputera memberi pulangan pada kadar 13 peratus tahun lalu (10 peratus dalam bentuk dividen dan tiga peratus dalam bentuk bonus).

Amanah sahamnya mudah ditebus di sejumlah 1,243 ejen jualan serata negara.

Hilmey berbangga dengan sistem komputer PNB yang memudahkan para pelabur menebus semula pelaburan mereka.

Pilihan untuk pemegang unit adalah banyak dan terpulanglah kepada mereka untuk menentukan ciri-ciri yang lebih sesuai dengan keperluan pelaburan mereka, tambah Hilmey.

Beliau menjelaskan bahawa prestasi data tabung amanah saham Malaysia, yang diterbitkan di akhbar mingguan tempatan adalah suatu permulaan yang baik dalam mengukur prestasi amanah saham memandangkan para pelabur boleh membandingkan harga-harga mereka.

Bagaimanapun, ia tidaklah boleh dianggap sebagai rujukan untuk keputusan melabur kerana aspek risiko belum diambil kira, tambah Hilmey.

Menyentuh tentang cabaran pula, beliau berkata yang paling hebat sekali ialah mengurus rekod yang dicapai setakat ini.

"Malah kita cukup bertuah kerana pasaran modal kita telah berkembang pesat sejak 10 tahun lepas, menyediakan peluang pelaburan yang baik yang membolehkan kita meraih pulangan setiap tahun," katanya sambil menambah bahawa ini dibantu oleh mudah-tunai di bursa saham tempatan.

Hilmey selanjutnya menjelaskan bahawa satu lagi cabaran penting

membabitkan pengurusan harapan pemegang unit di mana ia akan melebihi 4.3 juta orang dengan terlancarkan Amanah Saham Wawasan 2020 oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Ogos ini.

"Dalam pengurus harapan, kita terpaksa mendidik masyarakat agar mereka faham mengapa kita mampu menyediakan pulangan yang lebih baik tahun ini dan pulangan yang lebih rendah pada tahun yang lain," katanya.

Tugas PNB adalah sukar berbanding dengan pengurus dana yang lain memandangkan profil pelabur kecilnya adalah berlainan. -- BERNAMA

AD MA/sia